

PERUTUSAN TAHUN BARU 2016
KETUA PENGARAH JABATAN BANTUAN GUAMAN

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah marilah kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan IzinNya tahun 2015 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya. Di kesempatan ini saya mengucapkan selamat melangkah ke tahun baru kepada seluruh warga Jabatan Bantuan Guaman dengan tekad dan azam baru demi melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Mudah-mudahan kedatangan tahun baru 2016 ini disambut dengan satu tekad diri yang kukuh dan dengan niat yang positif untuk kita terus memacu ke hadapan dengan penuh keazaman dan semangat yang kental serta penuh iltizam untuk kita bersama-sama mengharungi cabaran baru di tahun 2016. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah SWT semoga usaha dan komitmen kita selama ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, mendapat keredaanNya.

Dengan berlabuhnya tirai tahun 2015 dan melangkah ke tahun 2016 ini, kita hendaklah menoleh ke belakang, menilai sejauh mana objektif, misi dan strategi JBG sudah tercapai. Kita haruslah membuat analisis atau muhasabah diri dan membuat penilaian apakah kekurangan dan kelemahan yang harus diperbaiki. Perancangan yang tersusun perlu dilaksanakan agar kita dapat mengekalkan momentum kejayaan yang terus menjadi agenda utama Jabatan.

Kita telah meninggalkan Tahun 2015 dengan beberapa kejayaan. Antaranya pengiktirafan Portal Bertaraf 5 Bintang dalam penilaian portal dan laman web Malaysia oleh MDEC (MGPWA 2014) selama 3 tahun berturut-turut. Dari aspek pengurusan kewangan pula, JBG telah mendapat Pengurusan Kewangan ESPKB 2015 tahap cemerlang (98.2%). JBG juga telah mendapat pengiktirafan sebagai Juara Wanita sempena sambutan hari wanita 2015. Pengiktirafan ini adalah atas sokongan padu JBG bersama Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam mewujudkan pelan tindakan pemerkasaan wanita. Ini merupakan satu penghargaan yang sungguh bernilai kepada kita warga JBG dan semoga JBG boleh mengulangi kejayaan yang ditempa ini untuk tahun 2016.

Saya berharap kerjasama dan teamwork di kalangan warga JBG sekalian, tidak kira yang bertugas di Ibu Pejabat maupun di Cawangan dapat dipertingkatkan demi mencapai visi Jabatan sebagai Peneraju Bantuan Guaman yang terunggul di Malaysia pada tahun 2018 seperti yang didokumenkan dalam Dokumen Pelan Strategik Jabatan. Bagi tahun 2016, JBG akan melaksanakan beberapa *Key Performance Indicator (KPI)* baru yang difikirkan boleh mempertingkatkan

kecekapan pengurusan JBG serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan JBG. Ini termasuklah *KPI* bagi mempermudahkan proses dan hala tuju khidmat pengantaraan yang dilaksanakan oleh JBG. Kita juga akan memperkenalkan *Key Performance Target (KPT)* yang akan diukur berdasarkan pencapaian pada setiap suku tahun. Setiap perancangan yang disasarkan mempunyai *KPT* agar tindakan yang dibuat mencapai sasaran yang ditetapkan sebagaimana *KPI* dan ia perlu dipatuhi oleh setiap cawangan.

Pada tahun 2016 ini juga kita akan memulakan tindakan untuk mendraf Rang Undang-Undang Bantuan Guaman yang baru bagi menambah baik Akta sedia ada supaya lebih selari dengan keperluan semasa.

Saya yakin ruang untuk membajai profesionalisme di kalangan warga JBG sentiasa terbuka luas dan kita berupaya sebenarnya membuat kerja dengan cepat, tepat dan berintegriti sebagaimana misi Jabatan untuk menerajui perkhidmatan bantuan guaman secara profesional kepada masyarakat yang berkelayakan bagi menjamin akses kepada keadilan melalui proses perundangan. Saya menyeru agar semua warga JBG terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, memperkayakan pengalaman serta bertindak secara proaktif, kreatif dan inovatif dalam menyumbang kepada budaya kerja berprestasi tinggi dalam memainkan peranan JBG sebagai satu-satunya firma guaman Kerajaan yang setanding dengan firma guaman swasta di luar sana. Sekiranya kita bersatu hati, berdisiplin serta mengamalkan tadbir urus yang baik, segala cabaran dan dugaan yang timbul pasti akan dapat diatasi.

Justeru, saya ingin mengajak setiap warga JBG tanpa mengira apa jua pangkat, jawatan dan kedudukan untuk kita bergerak dan bekerja keras sebagai satu pasukan serta melaksanakan amanah ini dengan penuh keikhlasan. Berikanlah yang terbaik. Tidak ada istilah sumbangan kecil atau besar kerana setiap sumbangan yang dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dengan penuh keikhlasan pasti akan mendapat ganjaran yang sewajarnya.

Akhir kata saya mengucapkan SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2016 kepada semua warga JBG. Semoga tahun 2016 akan menjadikan kita seorang penjawat awam yang lebih cemerlang, berinovatif dan berdedikasi serta penuh tanggungjawab untuk terus berkhidmat demi meningkatkan prestasi jabatan kita.

Sekian, Wassalam.

Selamat Tahun Baru dan Selamat Berjaya.

DATUK HAINI BINTI HASSAN
Ketua Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman